

NO SOALAN :23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG
(TEBRAU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29.11.2017

Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan ramai peniaga dan pengusaha mengadu tentang kelewatan menerima tuntutan bayar balik GST yang terlebih bayar.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

- 1) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam melaksanakan GST, Kerajaan sentiasa ingin memastikan proses tuntutan kredit GST ke atas input yang dikemukakan oleh peniaga dibuat dengan cepat

mengikut tempoh yang telah ditetapkan oleh undang-undang. Selaras dengan matlamat ini, permohonan yang lengkap telah dapat diproses dalam tempoh yang ditetapkan. Ini jelas di mana prestasi pembayaran tuntutan pulang balik kredit input telah menunjukkan peningkatan. Bagi tempoh 1 April 2015 hingga 31 Disember 2015, rekod Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menunjukkan tuntutan pulang balik yang diproses dalam tempoh 14 hari berkerja daripada keseluruhan bilangan tuntutan, secara puratanya adalah sebanyak 49%. Dalam tahun 2016 pula, peratusan tersebut telah meningkat kepada 71%. Peratusan tersebut bertambah baik di mana bagi tempoh Januari hingga Julai 2017, ia telah meningkat kepada 74%. Pemohon ditegaskan supaya sentiasa mengemukakan maklumat yang lengkap supaya JKDM dapat memproses dan membuat bayaran ke atas tuntutan tersebut sewajarnya.